

07 JUL 2002

Mustapa-ekonomi

TINGKATKAN EKONOMI NEGARA, KATA MUSTAPA

MACHANG, 7 Julai (Bernama) -- Rakyat diminta jangan mengambil mudah dengan kehidupan selesa masa kini dan sebaliknya perlu gigih berusaha mempertingkatkan tahap ekonomi negara untuk menarik lebih ramai pelabur asing.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed berkata pada masa akan datang Thailand, Singapura dan China adalah antara negara yang bakal menjadi pesaing sengit kepada Malaysia dalam menarik pelaburan asing.

"Walaupun kita telah berjaya menjadi negara yang paling pesat membangun, kita tidak seharusnya berpuas hati dengan pencapaian itu," katanya kepada pemberita selepas menemui warga Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Machang di sini hari ini.

Mustapa berkata rakyat Malaysia perlu mengamalkan budaya kerja lebih kuat dan produktif bagi memastikan daya pengeluaran meningkat dan kos pengeluaran kekal pada tahap minimum.

Beliau berkata Malaysia mempunyai banyak kelebihan termasuk barisan pemimpin berkaliber yang mampu membawa negara mengharungi sebarang cabaran globalisasi selain memastikan kestabilan politik negara berterusan.

Mustapa berkata dengan kerjasama rakyat dan ketokohan barisan pemimpin, rakyat Malaysia tidak seharusnya berasa gusar mengenai masa depan mereka.

Berhubung peralihan kuasa pucuk pimpinan tertinggi negara, Mustapa berkata tempoh 16 bulan peralihan kuasa daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak akan menjejaskan kedudukan ekonomi negara atau pun mengalihkan tumpuan pelabur asing ke negara lain.

"Kita dapati reaksi pasaran dalam dan luar negara baik sekali kerana peralihan kuasa itu dirancang dengan teliti dan tersusun sehingga begitu jelas kepada pelabur apa yang akan berlaku," katanya.

Mengenai kemungkinan beliau dilantik Menteri Kewangan baru, Mustapa berkata beliau tidak boleh memegang jawatan itu kerana pernah memegang dua penggal sebagai senator iaitu hak maksimum yang dibenarkan dan, lagipun beliau tewas pada pilihan raya umum 1999.

-- BERNAMA

WM RAR MAI